

Tunku yakin Mahathir boleh pimpin negara dengan baik

UM 27 JUN 1981

KUALA LUMPUR, 26 Jun — Tunku Abdul Rahman 'Putra Al-Haj yakin Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad boleh memimpin parti, kerajaan dan negara dengan baik kerana beliau mempunyai kelibar yang tersendiri.

Tunku menengaskan sikap seorang pemimpin itu mestilah jujur, ikhlas, dedikasi, sayangkan parti, bangsa, agama dan negara.

"Perasaan kasihkan parti dan mempunyai semangat memelihara keselamatan negara tanpa kepentingan diri hendaklah menjadi asas utama bagi seseorang pemimpin.

"Dengan itu saya yakin Datuk Sri Dr. Mahathir mempunyai sikap kejujuran dan sayangkan parti dan boleh bekerjasama dengan siapa juga yang terpilih menjadi timbalannya dalam satu team yang kuat," ujar Tunku, ketika ditemui sebaik sahaja Datuk Sri Dr. Mahathir mengambil alih pucuk pimpinan

parti di perhimpunan agung UMNO di sini hari ini.

Tunku menyampaikan ucapan tahniah di atas kemenangan Datuk Sri Dr. Mahathir yang menang tanpa bertanding mengambil alih teraju pucuk pimpinan parti berikutan pengunduran Datuk Hussein Onn dalam arena politik.

Mengulas tentang perebutan jawatan Timbalan Presiden, antara Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam, Tunku berkata ini adalah satu petanda sihat membuktikan bahawa demokrasi dalam parti UMNO yang terbesar wujud.

Menurut Tunku, kedua-dua tokoh ini mempunyai kelibar masing-masing dan layak untuk menjadi orang nombor dua dalam parti.

"Saya tidak dapat beri komen siapa yang lebih layak, kerana kedua-duanya baik belaka dan mempunyai semangat boleh memelihara parti dan bangsa," ujarnya.